LADA

SIRI 5

NASKAH INTEGRITI LADA

"Nothing is at last sacred but the integrity of your own mind."

– Ralph Waldo Emerson –

LAGU RASMI LADA

[RANGKAP 1]
Meniti Ombak Mengharungi Gelombang
Menuju Destinasi Indah Ciptaan Tuhan
Dengan Senyuman Tanda Kemesraan
Khidmat Kami Penuh Keikhlasan

[RANGKAP 2]
Seiring Dengan Era IT Terkini
LADA Berdiri Megah Di Persada Langkawi
Menabur Bakti Di Bumi Mahsuri
Tegap, Teguh Dan Berinovasi, Bervisi

[KORUS]
Hijau, Biru Dan Merah Lambang Keutuhan
Kekuatan Menjadi Landasan Wawasan
Kami Teraju, Pendukung Dan Nadi
Pembangunan Pulau Langkawi

[OUTRO]
Perkhidmatan, Pelancongan
Darat Dan Lautan
Sosio Ekonomi Kami Rencanakan
Menjana Minda Masyarakat, Nusa Dan Bangsa

Repeat **[KORUS]** and **[OUTRO]**
Repeat **[KORUS]**

Kami Teraju, Pendukung Dan Nadi
Pembangunan Pulau Langkawi

PERUTUSAN
TIMBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Saya percaya, Naskah Integriti yang telah diterbitkan ini adalah sebahagian dari usaha berterusan LADA untuk membentuk dan membudayakan warga LADA agar berintegriti dan mempunyai keutuhan peribadi yang tinggi.

Ini penting kerana dengan integriti dan keutuhan peribadi, ia boleh menjamin keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan selari dengan nilai teras (*shared value*) LADA iaitu **Berpasukan, Integriti dan Profesionalisme (BIP).**

Justeru, saya berharap agar Naskah Integriti ini dapat dijadikan rujukan utama oleh setiap warga kerja bagi memacu LADA ke tahap yang lebih cemerlang.

Wan Kamarul Faisal Bin Wan Kamardin
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif
(Perancangan dan Pembangunan)
Lembaga Pembangunan Langkawi

SIDANG REDAKSI
PASUKAN SEKRETARIAT

Penasihat
Ahmad Fuad Bin Che Ani@Abd Ghani
Timbalan Ketua Pengawai Eksekutif
(Pengurusan)

Ketua Editor
Nur Fairuz Shahirah Binti Ab Jelani
Ketua Unit Integriti

Pasukan Editor
Wan Suffurinaz Binti Wan Sulaiman, Roshasnita Binti Roski,
Hilal Aminur Rashid Bin Suhaimi, Rozita Binti Aziz

Isi Kandungan

Perutusan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif……...……3

Sidang Redaksi……4

Kisah Inspirasi ……....……6

Pilihan Artikel Integriti……..8

Mari Ambil Tahu ……..15

Integrity Quote…….. 17

Lensa Integriti…….. 18

Hebahan Infografik Tahun 2023……20

Kisah Inspirasi

Satu-satunya burung yang berani mematuk helang adalah burung gagak. Gagak akan hinggap di belakang helang dan mematuk-matuk lehernya. Namun, burung helang tidak bertindak balas dan menyerang gagak semula.

Ia tidak membuang masa dan tenaganya untuk menentang gagak. Cukuplah helang melebarkan sayapnya dan terbang dengan lebih tinggi ke langit.

Semakin tinggi helang terbang, semakin sukarlah gagak bernafas dan akhirnya gagak akan jatuh kerana kekurangan oksigen.

Pengajaran



Berhenti buang masa dengan orang yang ada perangai macam burung gagak.

Orang yang berlagak hebat sedangkan dia lemah akan terserlah juga kelemahan bila sampai masanya.

Mereka yang yakin dengan Allah akan dikurniakan kekuatan untuk terus berjuang sehingga berjaya.

Pilihan Artikel Integriti

INTEGRITI TONGGAK KECEMERLANGAN TADBIR URUS ORGANISASI

MUHAMMAD SHAHRULNIZAM MUHADI 27 NOVEMBER 2020
Kredit: Bayan Linnas Siri Ke 231, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Mukadimah

Dalam melakukan apa sahaja pekerjaan, selain kelayakan dan kemahiran ada satu lagi perkara yang perlu diterapkan dalam setiap orang khususnya Muslim iaitu sifat Integriti. Ketiadaan sifat integriti dan amanah bukan sahaja boleh mencalarkan peribadi bahkan juga akan memburukkan dan merosakkan prestasi dan nama baik sesebuah organisasi.

Dalam Bayan Linnas kali ini, kami cuba mengulas isu ***Integriti Tonggak Kecemerlangan Tadbir Urus Organisasi*** bersempena Bulan Integriti yang sedang berlangsung. Semoga penulisan ini dapat menyedarkan kita peri pentingnya sikap integriti dalam setiap pekerjaan khususnya dalam organisasi. Semoga ianya juga dapat memberikan sedikit kefahaman untuk diterapkan dalam kerjaya yang sedang diceburi.

Hubungan Integriti Dengan Kecemerlangan Tadbir Urus Organisasi

Integriti merupakan elemen yang perlu diberikan perhatian oleh setiap individu (pekerja) yang berada di bawah sesuatu organisasi. Penghayatan terhadap elemen ini amat penting kerana ia mampu memberikan kesejahteraan kepada kakitangan sesuatu organisasi. Seseorang kakitangan yang berintegriti akan mempunyai tingkah laku yang baik dan tidak mudah terpengaruh dengan tingkah laku yang negatif seperti culas, mencuri, suka ponteng kerja, rehat lebih waktu dan lain-lain. Perkara ini akan memberi impak positif bukan sahaja kepada individu bahkan organisasi yang disertainya.

Secara asasnya, integriti terbahagi kepada dua iaitu: [Pertama]: individu (pekerja) dan [Kedua]: organisasi. Walaupun demikian, umumnya integriti sering dikaitkan dengan sikap kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu berpandukan kepada prinsip kejujuran dan juga amalan moral yang tinggi. Jika dilihat dari sudut individu, integriti ialah tindakan yang selaras dengan prinsip moral, etika dan undang-undang. Selain itu, ia juga selaras dengan kepentingan diri individu dan kepentingan umum. Berbeza dengan organisasi yang mana dilihat dari aspek perlaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem, proses kerja dan pematuhan terhadap amalan yang terbaik. Mudahnya, integriti sama ada di peringkat individu mahupun organisasi adalah *code of behaviour* yang membantu kelancaran tadbir urus sesuatu organisasi.

Agama Islam juga menekankan soal integriti dalam kehidupan manusia. Nilai-nilai integriti terbentuk melalui nilai-nilai amanah, jujur dan kebolehpercayaan dalam memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri. Seseorang yang menjalankan amanah yang ditaklifkan ke atasnya dengan baik boleh dianggap sebagai seorang yang penuh berintegriti dan ia mampu mendatangkan kecemerlangan terhadap tadbir urus sesuatu organisasi.

Selain itu, integriti juga boleh dikaitkan dengan keikhlasan. Apabila seseorang individu mempunyai keikhlasan dalam menunaikan amanahnya maka ia dapat menghindari dirinya daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik dan boleh menjejaskan kualiti perjalanan organisasi yang disertainya. Hal ini kerana, pekerjaan jika dilakukan dengan niat yang baik, jujur, amanah dan ikhlas juga dianggap sebagai salah satu daripada ibadah.

Kemudian, konsep integriti juga dapat dipupuk secara bersama nilai-nilai *Qana'ah* dalam kalangan individu yang menjadi tunjang utama dalam menjayakan sesuatu tadbir urus sesebuah organisasi. Setiap individu yang menghayati nilai-nilai ini akan terus konsisten untuk sentiasa berpegang dengan nilai-nilai integriti ketika melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan kepada mereka. Maka, secara tidak langsung dapat mengukuhkan gerak kerja sesuatu organisasi dan menjauhkan daripada anasir-anasir berbentuk negatif yang boleh mengganggu gugat prestasi pentadbiran sesebuah organisasi.

Sekiranya, perbuatan tidak bermoral dan tidak bertanggungjawab dalam kalangan individu yang bekerja masih lagi tidak dibendung maka kualiti individu juga organisasi akan terjejas. Bahkan, akan membawa kepada kegagalan tadbir urus dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, konsep integriti ini perlu diamalkan dan diterapkan dalam kalangan individu sesebuah organisasi. Hal ini kerana, memahaminya secara teori tidak memadai bagi meningkatkan nilai-nilai murni dalam diri setiap individu, jika teori integriti tersebut tidak diberikan pendedahan, dipraktikkan dan dimanfaatkan ke dalam realiti semasa.

Di dalam Islam, konsep intergriti ini boleh diungkapkan juga dengan sifat amanah dan *itqan* (bersungguh-sungguh). Di dalam al-Quran, Allah SWT menyifatkan antara sifat-sifat orang yang beriman ialah mereka menjalankan amanah dan menjaga janji mereka. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ

Maksudnya: Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.

(Surah al-Mu'minun: 8)

Disamping itu, Rasulullah SAW juga sangat menekankan sifat amanah dan *itqan* dalam bekerja. Kedua-dua sifat tersebut ialah sifat yang disukai dan dicintai oleh Allah SWT. Dalam satu hadith, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتْقِنَهُ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT mencintai seseorang yang apabila dia mengerjakan sesuatu pekerjaan, dia melakukan dengan *itqan* (bersungguh-sungguh).

Riwayat al-Tabarani dalam ***al-Mu'jam al-Awsath*** (897)

Sifat amanah dan bersungguh-sungguh dalam berkerja ini turut berkait-rapat dengan prestasi dan kecemerlangan tadbir-urus sesebuah organisasi. Apabila nilai-nilai ini diterapkan dan ditanamkan dalam jiwa para pekerja, sudah tentu sesebuah organisasi itu mampu untuk menghasilkan perkhidmatan yang efisyen dan produk yang berkualiti, serta mengoptimumkan daya saing mereka dalam apa jua industri.

Sebagai contoh, jika para pekerja mempunyai nilai integriti yang tinggi dalam diri mereka, pasti mereka akan melaksanakan sesuatu kerja yang diberikan kepada mereka dengan sebaik mungkin. Mereka juga tidak membuang masa dan mencuri tulang dalam waktu bekerja, bahkan mereka menumpukan sepenuh perhatian terhadap kerja yang dilakukan dan bersungguh-sungguh menyempurnakannya. Hal ini sudah tentu akan memberikan sumbangan yang signifikan kepada kecemerlangan organisasi.

Sebaliknya, sifat-sifat negatif seperti khianat, tidak amanah, memberi atau menerima rasuah, suka membuang masa, mencuri tulang dan seumpamanya pula akan memberi kesan dan menjejaskan kredibiliti sesebuah organisasi. Ini kerana apabila sesebuah organisasi yang dipalit dengan masalah intergriti seperti ini, sudah tentu tidak mendapat kepercayaan dan hormat daripada masyarakat. Sifat-sifat ini dicirikan Rasulullah SAW sebagai sifat golongan munafiq, dimana Rasulullah SAW bersabda:

آيَةُ الْمُنَافِقِ ثَلَاثٌ: إِذَا حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا وَعَدَ أَخْلَفَ، وَإِذَا اؤْتُمِنَ خَانَ

Maksudnya: Tanda-tanda orang munafik ada tiga, iaitu apabila dia berbicara dia dusta, apabila dia berjanji tidak ditepati dan apabila diberi amanah dia khianati.

Riwayat al-Bukhari (33), Muslim (59)

Cabaran Dalam Mengamalkan Budaya Integriti

Cabaran dalam merealisasikan pematuhan integriti dalam pekerjaan ialah berpunca daripada sikap individu atau orarganisasi yang tidak bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas sehingga menyebabkan pelbagai perkara yang menjejaskan integriti pekerja dan sektor pekerjaan itu sendiri. Antara cabaran membudayakan amalan integriti antaranya ialah:

Pertama: Rasuah

Berdasarkan laporan berita yang menyatakan musuh nombor satu negara adalah gejala rasuah dengan melihat kepada statistik SPRM daripada tahun 2014 sehingga Jun 2018, seramai 4,860 orang telah ditangkap kerana rasuah dan 2,594 atau 53.4 peratus daripada jumlah itu merupakan golongan muda. Amalan rasuah boleh meruntuhkan integriti sistem pentadbiran sesebuah negara.

Justeru, usaha dalam membanteras rasuah “duit kopi” adalah dengan mendidik kesedaran tentang kesan buruk kepada pelaku dan penerima rasuah. Kita perlu tanamkan perasaan takut terhadap amalan mazmumah yang jelas akan menerima balasan (akibat) yang buruk. Amalan rasuah termasuk dalam dosa besar kerana ancaman laknat. Sebuah hadis, Abdullah ibn ‘Amr R.Anhuma meriwayatkan :

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صلى الله عليه وسلم الرَّاشِيَ وَالْمُرْتَشِيَ

Maksudnya: “Rasulullah SAW melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah”

Riwayat Abu Daud (3580), al-Tirmizi (1337) dan Ibn Majah (2313)

Pelaku rasuah berhak dilaknat jika mendapatkan sesuatu yang bukan haknya selain bertujuan menyakiti Muslim yang lain. [Lihat ***al-Kaba’ir*** :132].

Sikap mazmumah tersebut dalam kalangan penjawat perkhidmatan kerajaan mahupun swasta telah mengekang untuk merealisasikan integriti dalam tadbir urus yang unggul.

Kedua: Birokrasi

Proses atau urusan kerja, terutamanya yang melibatkan pihak kerajaan atau agensi kerajaan kadangkala mengambil masa yang sangat lama kerana terpaksa melalui berbagai-bagai peraturan, peringkat-peringkat kelulusan dan sebagainya sebelum sesuatu permohonan atau perkara dapat diluluskan atau dilaksanakan. Sistem penyampaian yang berkesan boleh dihasilkan jika adanya kerjasama daripada peringkat atasan hingga ke peringkat pelaksana. Kita juga sedar bahawa pengurusan birokrasi yang bermasalah akan memberi tekanan dan mengganggu produktiviti pelaksanaan kerja kepada para pekerja dan akan menimbulkan perasaan tidak puas hati di kalangan pelanggan.

Ketiga: Tekanan Dan Beban Tanggungjawab Yang Besar

Realiti kehidupan pada zaman yang serba moden dan penuh dengan persaingan di tempat kerja menyebabkan ramai pekerja mengalami tekanan. Mendepani dunia yang cukup mencabar hari ini, kebanyakan penjawat awam yang tinggal di bandar menghadapi cabaran dalam menguruskan kehidupan mereka seharian dek kekangan kewangan dan perbelanjaan hidup yang tinggi di Kota Metropolitan. Mereka kadang-kadang terpaksa melakukan dua tiga kerja dan membuat kerja sampingan demi menampung kehidupan seharian dan menjamin kehidupan yang lebih selesa.

Perkara ini amat merisaukan jika mereka bertindak mengambil jalan mudah seperti terlibat dalam rasuah, penyelewengan, salah guna kuasa dan sebagainya untuk keluar daripada tekanan dan beban yang mereka hadapi.

Keempat: Tidak Tekun Dan Sambil Lewa Dalam Melaksanakan Tugas

Dapat dilihat kini, terdapat segelintir pekerja yang melaksanakan tugas yang diamanahkan secara sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh. Sekiranya sikap ini kekal berterusan, ia akan menjejaskan prestasi pekerja kerana tugas yang dilaksanakan tidak berkualiti atau tidak mencapai tahap yang memuaskan.

Setiap pekerja perlulah menjalankan tugas yang diberikan dengan tekun, amanah dan bertanggungjawab. Hal ini demikian kerana sifat- sifat mahmudah ini ialah sifat para Nabi dan Rasul yang perlu dicontohi oleh setiap umat Islam. Bertepatan dengan firman Allah SWT ketika memuji Nabi Ibrahim AS:

وَإِبْرَاهِيمَ الَّذِي وَفَّىٰ

Maksudnya: Dan juga (dalam Kitab-kitab) Nabi Ibrahim yang memenuhi dengan sempurnanya (segala yang diperintahkan kepadanya)?

Surah al-Najm (37)

Solusi Untuk Merealisasikan Integriti

Menurut Glosari Integriti, Integriti merujuk perihal sifat individu dan organisasi yang sempurna berteraskan nilai murni seperti jujur, benar, amanah, adil, bertanggungjawab, telus, cekap, amanah dan bijaksana (Rujuk Institut Integriti Malaysia). Justeru, integriti mempunyai kaitan erat dengan etika yang perlu kepada penerapan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam mahupun swasta. Nilai-nilai tersebut dapat dicapai dalam apa jua bidang pekerjaan sekiranya individu mempunyai keimananan dan ketaqwaan dalam diri masing-masing ketika melaksanakan tugasan. Sifat taqwa dapat memelihara diri daripada melakukan sebarang dosa kerana keyakinan terhadap akhirat, perkara aib, dosa, pahala dan hari pembalasan. Allah SWT berfirman:

الم ﴿١﴾ ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ ۛ فِيهِ ۛ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ ﴿٢﴾ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ
وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ

Maksudnya: *Alif, lam, mim (1) Kitab (al-Quran) ini, tidak ada sebarang keraguan (syak) padanya., ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang hendak bertaqwa (2) Iaitu orang yang beriman kepada perkara-perkara ghaib dan mendirikan solat dan serta membelanjakan sebahagian daripada rezeki yang kami berikan kepada mereka. (3)*

Surah al-Baqarah (1-3)

Pekerjaan bukan sahaja untuk memenuhi keperluan hidup, bahkan ia merupakan wasilah bagi tujuan hidup dalam mencari keberkatan dalam rezeki yang halal. Pekerja yang meraih keberkatan akan mempunyai kecukupan tanpa perlu kepada gejala rasuah dalam melaksanakan kerja. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ
وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Maksudnya: *"Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah kami akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul kami) lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka usahakan."*

Selain itu, Allah SWT menjanjikan kemudahan serta rezeki yang tidak disangka-sangka bagi mereka yang mencari jalan taqwa sebagaimana firmanNya:

وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَل لَّهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

Maksudnya: *"Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya) (2) Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya".*

Surah al-Thalaq (2-3)

Cabaran integriti tidak terfokus kepada isu rasuah sahaja, malah ia turut merujuk kepada amalan kerja yang tidak amanah terhadap ketepatan waktu, penyampaian maklumat serta tingkah laku ketika berkerjasama dengan ketua jabatan, rakan sekerja, kakitangan dan masyarakat.

Sehubungan itu, umat Islam yang bekerja perlu meletakkan niat semata-mata kerana Allah SWT dalam melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggujawabkan. Implikasinya, mereka yang memperbaharui niat akan mempunyai kesedaran dan berjaga dengan hukum hakam Allah SWT. Bahkan niat seseorang dapat membezakan antara amalan ibadah dan adat. Niat seseorang penting bagi menilai setiap perbuatannya serta menentukan tujuan amalan. Daripada Umar bin al-Khattab RA, aku mendengar Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَاتِ وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مَا نَوَى

Maksudnya: “Sesungguhnya setiap amalan itu bergantung pada niat. Setiap orang akan dibalas berdasarkan niatnya.

Riwayat al-Bukhari (1) dan Muslim (1907)

Pengajaran daripada hadis tersebut ialah niat yang baik serta ikhlas semata-mata kerana Allah SWT akan mendapatkan pahala ke atas apa yang diniatkan
[Lihat: **al-Wafi fi Syarh al-Arba’in al-Nawawiyyah** (14)].

Niat bekerja semata-mata kerana Allah merupakan satu ibadah selain dapat menyara keluarga dengan rezeki yang halal dan memenuhi keperluan orang lain dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan negara.

Oleh yang demikian, usaha memperkukuhkan integriti dalam tadbir urus yang terbaik memerlukan kepada penerapan nilai-nilai Islam daripada semua pihak dalam perkhidmatan awam iaitu pegawai, kakitangan dan organisasi itu sendiri dengan mengikuti segala peraturan serta amalan-amalan murni. Justeru, jadilah pekerja yang bertaqwa dalam apa jua bidang yang secara langsung ia boleh meningkatkan integriti. Semoga kita dapat meraih keberkatan dalam mencari rezeki.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang panjang lebar yang telah kami huraikan, maka dapatkan kita simpulkan bahawa sikap integriti adalah satu sikap yang amat penting untuk diterapkan dalam diri setiap individu. Ketiadaan sifat ini bukan sahaja boleh mencalarkan imej peribadi atau keluarga bahkan lebih daripada itu akan memburukkan dan membantutkan lagi kemajuan sesebuah organisasi. Sebagai seorang Muslim, integriti didasari dengan ikatan dosa dan pahala. Amanah dan tugas yang diberikan perlulah disempurnakan sebaik mungkin dan perlu menjauhkan diri daripada apa sahaja perbuatan dan perlakuan yang bercanggah dengan tuntutan agama. Semoga setiap perkerjaan yang kita lakukan didasari dengan sifat taqwa dan beriman kepada Allah ﷻ. Wallahu’alam.

LADA

Mari Ambil Tahu

Tips Mencegah Rasuah Kepada Penjawat Awam

Jangan mengatakan **YA** bagi pelawaan pertama

Hati-hati dengan **pujian** yang diberikan. Pujian yang berlebihan boleh menyebabkan seseorang itu lupa diri dan akhirnya membawa kepada pelanggaran peraturan

Jangan sesekali menampakkan perbuatan atau tingkah laku yang menggambarkan seolah-olah kita yang **meminta-minta**

Jangan membiasakan diri menerima sebarang bentuk **keraian** daripada mereka yang mempunyai urusan rasmi dengan kita, walaupun sekadar belanja minum

Elakkan berbincang mengenai hal **peribadi** atau keluarga dengan mereka yang mempunyai urusan rasmi dengan kita

Berkawan dengan orang yang jujur dan boleh menasihati serta membimbing kita

Elakkan perhubungan yang **terlalu rapat** dengan pihak syarikat yang mempunyai urusan rasmi dengan kita

Tolak tawaran atau pujukan dengan tegas

Bila mana Hadiah Menjadi Rasuah

PEMBERIAN HADIAH AKAN MENJADI RASUAH APABILA MEMPUNYAI CIRI-CIRI BERIKUT :

Hubungan Rasmi	Pemberi dan penerima hadiah mempunyai **hubungan rasmi.** Contohnya, pemberi hadiah adalah kontraktor. Manakala, penerima hadiah adalah Pegawai Kerajaan (atau syarikat) yang terlibat dengan tender
Mempengaruhi keputusan	Pemberian hadiah **mempengaruhi keputusan** yang akan dibuat oleh si penerima
Tidak Setimpal	Nilai hadiah **tidak setimpal** dengan maksud hadiah diberi
Balasan	Hadiah diberi dengan adanya **balasan** tertentu
Niat Jahat	Ada **niat jahat** disebalik pemberian hadiah.Dengan kata lain, si pemberi mempunyai agenda tersembunyi. Bak kata pepatah Melayu" ada undang di sebalik batu"

LADA

INTEGRITY QUOTES TO REMEMBER BY HEART

"Nothing is at last sacred but the integrity of your own mind."

— Ralph Waldo Emerson –

"Top 15 Things Money Can't Buy Time. Happiness. Inner Peace. Integrity. Love. Character. Manners. Health. Respect. Morals. Trust. Patience. Class. Common sense. Dignity."

- Roy T. Bennett –

LADA

NASKAH INTEGRITI

Lensa Integriti



Program Pengurusan Kewangan: Simpan Challenge



Program Bicara Integriti: Menjaga Integriti Diri dan Jabatan – Apa Yang Perlu Kita Lakukan?

NASKAH INTEGRITI

LADA

Lensa Integriti

Program Kesejahteraan Kewangan: Ringgit Dijaga, Keluarga Sejahtera

NASKAH INTEGRITI

Hebahan
Infografik Tahun 2023

Bilangan 1 Tahun 2023

1) Hutang / Pinjaman
2) Hidup Bukan Perlumbaan
3) Jangan Kemukakan Tuntutan / Dokumen Palsu
4) Azam Baru Tahun 2023 Kepada Warga LADA
5) *Quote of the Day*

Bilangan 2 Tahun 2023

1) Percanggahan Kepentingan
2) Hargai Ibu Bapa
3) Tips Kesejahteraan Psikologi Dalam Aspek Kehidupan
4) *Quote of the Day*

Bilangan 3 Tahun 2023

1) Pematuhan Waktu Bekerja Fleksi
2) Penyelewengan Kehadiran Ke Pejabat
3) Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan Pemberian & Penerimaan Rasuah
4) *Quote of the Day*

Bilangan 4 Tahun 2023

1) Amalan Sihat dan Bahagia
2) Anda Kurang Cekap Dan Kurang Berusaha
3) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000
4) Jenis Hukuman Tatatertib
5) *Quote of the Day*

Bilangan 5 Tahun 2023

1) Implikasi Hukuman Tatatertib
2) Implikasi Hukuman Tatatertib Buang Kerja
3) Perbezaan Orang Sibuk dan Produktif
4) Manfaat Tidur 20 Minit Dalam Waktu Rehat
5) *Quote of the Day*

Bilangan 6 Tahun 2023

1) Hentikan Gangguan, Eksploitasi dan Penderaan Seksual
2) Gejala Tempat Kerja Bertoksik
3) *Champion*
4) *Quote of the Day*
5) *Quote of the Day*

NASKAH INTEGRITI

INFOGRAFIK INTEGRITY TODAY BILANGAN 1 TAHUN 2023



NASKAH INTEGRITI

INTEGRITY TODAY

Quote of the day

THE FIRST LAW OF **LEADERSHIP** IS THAT YOUR FOUNDATION IS BUILT THROUGH **INTEGRITY,** CHARACTER, AND TRUST

-BRIAN CAGNEY-

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

Jangan Kemukakan Tuntutan/Dokumen Palsu

TUNTUTAN KERJA LEBIH MASA

TUNTUTAN PERJALANAN

PESANAN KERAJAAN

PENGESAHAN KERJA SIAP

WARGA KERJA LADA YANG DIDAPATI MENGEMUKAKAN **TUNTUTAN/DOKUMEN PALSU** ADALAH MELANGGAR TATAKELAKUAN DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN, AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000[AKTA 605] IAITU:

3(2) Seseorang pegawai tidak boleh -
(f) tidak jujur dan tidak amanah; dan
(g) tidak bertanggungjawab

WARGA KERJA LADA JUGA BOLEH **DIDAKWA** DI BAWAH SEKSYEN 18 AKTA SPRM 2009 DAN JIKA SABIT KESALAHAN BOLEH DIKENAKAN **HUKUMAN PENJARA** SEHINGGA 20 TAHUN DAN **DENDA** LIMA KALI GANDA NILAI BARANG YANG TELAH MEMBUAT DAKWAAN PALSU, ATAU RM10,000 YANG MANA LEBIH TINGGI:

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

NASKAH INTEGRITI

INFOGRAFIK INTEGRITY TODAY BILANGAN 2 TAHUN 2023

NASKAH INTEGRITI

INTEGRITY TODAY

HARGAI IBU BAPA

HARI INI, ANDA TELAH HUBUNGI IBU BAPA ANDA? BERTANYA KHABAR DAN BERKONGSI REZEKI DENGAN MEREKA? KETAHUILAH, SALAH SATU **KEJAYAAN** YANG ANDA CAPAI DAN MILIKI HARI INI ADALAH DARI **DOA IBU BAPA** ANDA...

MAKA, ZAHIRKAN RASA KASIH SAYANG DAN TERIMA KASIH ANDA DI ATAS PENGORBANAN MEREKA ITU, MELALUI **AKHLAK YANG MULIA** DAN BERKONGSI **REZEKI YANG HALAL LAGI BARAKAH** DENGAN MEREKA.

Buah jambu di bawah tangga
Buah kelapa dihujung desa
Kasih ibu membawa ke syurga
Kasih bapa sepanjang masa

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

TIPS KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI DALAM ASPEK KEHIDUPAN

Kenali diri kita → Tentukan tujuan hidup dengan jelas → Jangan biar emosi menguasai diri kita → Lakukan perkara positif setiap hari

FAKTOR PEMPENGARUH PENCAPAIAN INDIVIDU

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

NASKAH INTEGRITI

LADA

INTEGRITY TODAY

Quote of the day



INTEGRITY IS A LIFE WHERE YOUR BELIEFS AND INTENTIONS ARE ALIGNED WITH YOUR WORDS AND ACTIONS

-STEPHEN LOVEGROVE -

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INFOGRAFIK INTEGRITY TODAY BILANGAN 3 TAHUN 2023

INTEGRITY TODAY

PEMATUHAN
Waktu Bekerja Fleksi

Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2019

Masa Bertugas

Warga LADA boleh memulakan tugas di antara jam 8.00 pagi - 9.00 pagi dari hari Ahad hingga Khamis

Tempoh Bertugas

Ahad - Rabu
(9 jam)

- Waktu Masuk (8.00 am - 9.00 am)
- Waktu Keluar (5.00 pm - 6.00 pm

Khamis
(7 jam 30 minit)

- Waktu Masuk (8.00 am - 9.00 am)
- Waktu Keluar (3.30 pm - 4.30 pm)

Kebenaran Pulang Awal

Kebenaran pulang awal **SEJAM** kepada **wanita mengandung dan suami** selaras dengan PP11/2017 adalah terpakai

Perkhidmatan Kaunter

Ketua Jabatan perlu memastikan perkhidmatan kaunter tidak terjejas dengan pelaksanaan WBF

WBF Ramadan

Waktu rehat **DIPENDEKKAN** 30 minit

Waktu pulang **DIAWALKAN** 30 minit

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

NASKAH INTEGRITI

INTEGRITY TODAY

AWAS!!! ANDA DIPERHATI...

Penyelewengan Kehadiran Ke Pejabat

LADA telah menguatkuasakan penggunaan Sistem Kehadiran Berasaskan Biometrik mulai November 2022. Semua warga LADA dikehendaki:

- **Check-in** (hadir waktu fleksi) dan **check-out** (pulang waktu fleksi) menggunakan **jari sahaja**
- Hadir di stesen bertugas **on time**
- Pergerakkan **keluar masuk** Bahagian/Unit menggunakan kad atau jari
- Pengemaskinian kehadiran **secara harian** melalui Sistem e-Hadir bagi mengelakkan pertukaran kad atau tunjuk sebab dikeluarkan
- Larangan melakukan **urusan peribadi** setelah check in kecuali dengan kebenaran Pegawai Penyelia
- Waktu rehat diperuntukkan **SATU JAM** sahaja dari jam **1.00 - 2.00 petang**

Rujukan: Surat Pekeliling Am Bil. 11/1981, Surat Pekeliling Am Bil. 1/2004 & Garis Panduan Penggunaan Biometrik bagi Agensi-Agensi Sektor Awam oleh MAMPU

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam Yang Melaporkan PEMBERIAN & PENERIMAAN RASUAH

Kriteria Pengiktirafan

- Aduan pemberian dan penerimaan rasuah **DILAPORKAN** oleh mana-mana penjawat awam kepada SPRM
- Pengiktirafan adalah kepada seseorang **PENJAWAT AWAM** dan bukannya kepada Kementerian, Jabatan atau Agensi
- Kes tersebut hendaklah sehingga kepada **SABITAN MAHKAMAH** sehingga ke peringkat yang tiada lagi rayuan dibuat
- Pemberian dan penerimaan dalam bentuk nyata atau apa-apa **BENTUK YANG LAYAK** dari segi undang-undang yang boleh diberi nilai
- Penjawat awam memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada Pegawai SPRM sehingga perbicaraan kes itu **SELESAI** termasuklah hadir ke mahkamah untuk memberikan keterangan dalam perbicaraan kes sekiranya perlu

Bentuk dan Pengurusan Bayaran

- Jika pemberian atau penerimaan sogokan/rasuah yang **TIDAK MELIBATKAN WANG** seperti harta alih atau harta tidak alih, maka nilai sogokan/rasuah akan dibuat berdasarkan penentuan nilai pasaran semasa harta alih atau harta tak alih tersebut
- Pelapor pemberian rasuah juga akan diberi **SIJIL PENGHARGAAN** dan dipertimbangkan untuk pencalonan **ANUGERAH PINGAT** di peringkat Persekutuan/Negeri
- Sekiranya tiada **PAMPASAN WANG** dibuat atau tiada apa-apa yang dirampas, Panel Penilaian akan menentukan ganjaran dengan had minimum RM500
- Urusan pembayaran **GANJARAN** akan diuruskan oleh pihak SPRM

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

NASKAH INTEGRITI

INFOGRAFIK INTEGRITY TODAY BILANGAN 4 TAHUN 2023

NASKAH INTEGRITI

INTEGRITY TODAY

ANDA KURANG CEKAP ATAU KURANG BERUSAHA???...

CONTOH PELANGGARAN PERATURAN 3(e), AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ)2000 [AKTA 605]:

TIADA INISIATIF UNTUK MENYELESAIKAN URUSAN KERJA SEBERAPA SEGERA

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

AKTA

BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000[AKTA 605]



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 605

AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000

Sebagaimana pada 1 Mac 2020

- Berkuat kuasa pada 1 November 2000
- Mengandungi peruntukan berhubung tindakan tatatertib, penamatan demi kepentingan awam dan tindakan surcaj kepada pegawai dan kakitangan Badan Berkanun
- Terpakai kepda semua kategori pegawai dan kakitangan LADA yang berstatus tetap, sementara, pegawai peminjaman atau kontrak (Contract Of Service) yang dibayar emolumen oleh LADA

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

NASKAH INTEGRITI





NASKAH INTEGRITI

INFOGRAFIK INTEGRITY TODAY BILANGAN 5 TAHUN 2023



NASKAH INTEGRITI

LADA

INTEGRITY TODAY

Sibuk atau Produktif ?

11 Perbezaan Orang Sibuk Dan Orang Produktif

ORANG SIBUK

- Mahu dilihat sebagai orang yang mempunyai misi
- Ada banyak keutamaan
- Selalu cakap *"Yes"*
- Fokus kepada tindakan
- Buka semua pintu
- Bercakap tentang betapa sibuknya mereka
- Bercakap tentang betapa sedikit dan terhad masa yang mereka ada
- Membuat banyak perkara pada sesuatu masa *(multitask)*
- Respon e-mel dengan pantas
- Mahu orang lain juga sibuk
- Bercakap tentang bagaimana mereka akan berubah

ORANG PRODUKTIF

- Mempunyai misi dalam hidup mereka
- Ada beberapa sahaja keutamaan
- Akan cakap *"No"* terlebih dahulu
- Fokus kepada kejelasan sebelum bertindak
- Tutup semua pintu
- Membiarkan hasil kerja mereka bercakap
- Mencari masa untuk sesuatu yang penting
- Ambil masa untuk respon e-mel
- Mahu orang lain efektif

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

6 Manfaat tidur 20 minit di waktu rehat

Unit Integriti Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Langkawi
Telefon : 04-9600 770/771/786/784 Emel : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

NASKAH INTEGRITI

INFOGRAFIK INTEGRITY TODAY BILANGAN 6 TAHUN 2023

NASKAH INTEGRITI

LADA

INTEGRITY TODAY

GEJALA Tempat Bekerja BERTOKSIK

- SUKAR UNTUK MERASAI EMOSI POSITIF DI TEMPAT KERJA
- MULA RESAH PADA MALAM AHAD
- SERING SAKIT KEPALA
- SERING BERFIKIR UNTUK BERSARA SEGERA
- ALAMI MASALAH TIDUR PADA WAKTU HARI BEKERJA
- SERING JATUH SAKIT DAN TIDAK SIHAT
- ANDA MULA TIDAK MENYUKAI DIRI SENDIRI APABILA BERADA DI TEMPAT BEKERJA

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

INTEGRITY TODAY

Champions never complain, they are too busy getting better!!!

HONOR MOTIVATION INTEGRITY NEVER GIVING UP

CHAMPION

COURAGE ATTITUDE PERSEVERE OPTIMISTIC

-John Wooden-

UNIT INTEGRITI LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
ARAS M2, KOMPLEKS LADA, JALAN PERSIARAN PUTRA, 07000 LANGKAWI
TELEFON : 04-9600 770/771/786/784 EMEL : integriti@lada.gov.my

"BIASAKAN YANG BETUL, BETULKAN YANG BIASA"

NASKAH INTEGRITI

Nota

Terbitan Unit Integriti LADA
Aras M2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra,
07000 Langkawi Kedah Darul Aman
04-9600 770/771/784/786
integriti@lada.gov.my